

28 AUG 1996

TIME TELEKOM AMAL PENDEKATAN SERAMPANG DUA MATA DI LABUAN

LABUAN, 28 Ogos (Bernama) -- Time Telecommunications Berhad mengamalkan pendekatan serampang dua mata bagi menarik pelanggan, terutama institusi-institusi kewangan di sini.

Pendekatan ini, yang dianggap bijak oleh pusat-pusat kewangan, menawarkan diskaun dan insentif bukan sahaja untuk menarik pelanggan, tetapi juga untuk memastikan "kesetiaan" mereka.

"Kami orang baru, jadi kami mesti menarik pelanggan dulu," kata pengurus Perancangan dan Pemasaran Strategik Time Telecommunication Mah Soon Chai pada satu seminar di sini hari ini.

Satu-satunya pengusaha lain di Labuan ialah Syarikat Telekom Malaysia Berhad.

Time Telecommunications merupakan anak syarikat milik penuh Time Engineering Berhad, ahli Kumpulan Renong, salah sebuah konglomerat Malaysia yang paling berjaya.

Menurut Mah rangkaian Time Telecommunications di Labuan akan menggunakan kabel gentian optik dan teknologi suis digital yang canggih.

Antara ciri-ciri keluaran dan faedah pelanggan ialah rangkaian gentian optik 100 peratus, kekurangan kesesakan, tiada gangguan percakapan, tiada bayaran penyambungan, pendaftaran tanpa deposit dan pembayaran panggilan berdasarkan saat.

Sementara itu, pengarah urusan Time Telecommunications Robert Harvey berkata pelanggan-pelanggan di Labuan kini mempunyai pilihan pembekal telekomunikasi.

Mengenai kehadiran Telekom Malaysia di Labuan, beliau berkata: "Ini merupakan pertandingan satu lawan satu."

Walaupun Telekom Malaysia telah terlebih awal bertapak, masa depan Labuan yang cerah sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) menawarkan banyak peluang, tambah beliau.

Esok, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Ujana Kewangan Labuan serba moden yang berharga RM360 juta.

Perasmian ini menandakan selangkah ke hadapan ke arah menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai IOFC. -- BERNAMA

JSM KY/sia